



**TEKS UCAPAN ALUAN  
YBHG. DATO' HAJI NORDIN BIN HAJI MUHAMAD  
KOMISIONER JENERAL PENJARA**

**SEMPENA  
MAJLIS SAMBUTAN HARI PENJARA KE-231**

**Bismillahiramanirahim**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Sejahtera.**

Terima kasih saudara Pengurus Majlis

**Yang Berhormat Dato' Seri Hamzah bin Zainudin**

Menteri Dalam Negeri

**Yang Berhormat Dato' Dr Haji Ismail bin Haji Mohamed Said**

Timbalan Menteri Dalam Negeri I

**Yang Berhormat Datuk Jonathan bin Yasin**

Timbalan Menteri Dalam Negeri II

**Yang Berbahagia Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz**

Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri

**Yang Berbahagia Dato'-Dato'**

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha

Kementerian Dalam Negeri

Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan Persekutuan Dan Negeri, Sektor-Sektor Korporat dan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO's)

Pegawai-Pegawai dan anggota Penjara

Dif-Dif Kehormat

Wakil-Wakil Media Massa

YBhg. Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Saya Hormati Sekalian.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya jua pada hari ini akhirnya dapat kita bersama-sama dalam talian untuk meraikan Sambutan Hari Penjara ke-231 dalam suasana norma baharu. Sepertimana kita sedia maklum, Program Sambutan Hari Penjara telah ditangguhkan ekoran situasi pandemik COVID-19 yang memerlukan keutamaan komitmen serta pengorbanan kita semua.
2. Sebelum saya meneruskan ucapan, izinkan saya untuk bertafakur sebentar, menghadiahkan surah Al-Fatihah bagi mengingati wira-wira Jabatan Penjara yang telah kembali menemui penciptaNya.....Amin
3. Di kesempatan ini, saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pucuk pimpinan Kementerian Dalam Negeri terutamanya kepada Yang Berhormat Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, Menteri Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato' Dr Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, Timbalan Menteri Dalam Negeri I, Yang Berhormat Datuk Jonathan bin Yasin Timbalan Menteri Dalam Negeri II dan YBhg. Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri dan Barisan Kepimpinan Tertinggi Kementerian Dalam Negeri yang sentiasa memberi sokongan padu kepada Jabatan Penjara

Malaysia dalam meningkatkan aspirasi dan komitmen kami sepanjang menjalankan amanah yang digalas.

4. Saya juga ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada YB Dato' Seri Menteri dan Pengurusan Tertinggi Kementerian Dalam Negeri, di atas kepercayaan yang diberikan kepada saya untuk menerajui kepimpinan Jabatan Penjara Malaysia. Kepercayaan ini amat besar maknanya kepada Jabatan Penjara Malaysia sendiri dalam mengangkat Perkhidmatan Korektif di negara ini setaraf dengan negara-negara maju yang lain. Sudah tentu amanah ini akan dipikul bersama dengan penuh rasa tanggungjawab dan keinsafan bagi memenuhi kehendak *stakeholders* dan rakyat secara keseluruhannya.

### **SAMBUTAN HARI PENJARA KE- 231**

5. Sambutan Hari Penjara bukanlah hanya sekadar memenuhi tradisi semata-mata. Malahan sambutan Hari Penjara adalah manifestasi penghargaan tertinggi Jabatan dan Kerajaan di atas pengorbanan dan sumbang bakti yang diberikan oleh setiap anggota penjara.

6. Sekalung penghargaan dan setinggi-tinggi ucapan terima kasih untuk semua pegawai dan anggota Jabatan Penjara atas sumbangan bakti yang telah diberikan. Mudah-mudahan iltizam dan keringat bakti yang dicurahkan akan mendapat keredhaan dan keberkatan daripada Allah S.W.T. Jabatan sedar, meskipun dengan kekangan yang dihadapi seperti kesesakan penjara, persekitaran kerja yang tidak kondusif terutama di penjara-penjara lama, pegawai-pegawai penjara masih tetap berusaha sedaya upaya menyempurnakan tugas-tugas yang telah diamanahkan. Saya amat terharu dan sangat menghargainya.

## **CABARAN SEMASA JABATAN PENJARA**

**Yang Berhormat Dato' Seri/ YBhg. Dato'/Tuan/Puan yang saya amat hormati sekalian**

7. Senario perkembangan pesat dunia masa kini dan masa akan datang adalah cabaran utama kepada perkhidmatan koreksional di seluruh dunia. Pola jenayah masa kini berbeza dari era yang lalu. Kita boleh menjangkakan pola jenayah pada masa depan pastinya akan lebih hebat daripada apa yang ada pada masa kini. Sebagai institusi koreksional, Jabatan Penjara memerlukan kemampuan untuk melihat cabaran yang mendarat dari perspektif yang lebih holistik serta perlu melestarikan cabaran semasa dengan keperluan *stake holders* dan masyarakat.
8. Dalam memastikan visi dan misi jabatan tercapai, pelbagai isu dan cabaran yang perlu diharungi oleh Jabatan sebagai Peneraju Perkhidmatan Korektif. Antara isu-isu semasa yang menjadi cabaran adalah peningkatan populasi banduan, kekangan fasiliti dan infrastruktur.

## **KESESAKAN PENJARA**

**Yang Berhormat Dato' Seri/ YBhg. Dato'/Tuan/Puan yang saya amat hormati sekalian**

9. Lonjakan populasi banduan pada kadar yang tinggi berlaku bermula tahun 2000 hingga 2016, iaitu daripada 27,358 orang banduan kepada 56,612 orang banduan dengan mencatatkan kenaikan sebanyak 106.93% dalam tempoh 6 tahun. Kenaikan yang ketara menjadikan

Malaysia di kedudukan 50 teratas di dunia dengan nisbah banduan sebanyak 184 per 100,000 orang penduduk sebagaimana dilaporkan dalam *World Prison Population List*. Daripada jumlah banduan tersebut, 28.7% ialah warganegara asing dan 61% penjara di Malaysia mengalami masalah lebihan penghuni atau kesesakan terutamanya di Penjara Sungai Buloh (94.13%), Pulau Pinang (85.64%), Pengkalan Chepa (64.13%), Kajang (42.38%) dan Kota Kinabalu (45.20%).

10. Peningkatan populasi banduan ini tidak seimbang berbanding dengan peningkatan bilangan perjawatan pegawai penjara iaitu sebanyak 13.8% dan pertambahan kapasiti penjara 1.0%. Antara punca utama kesesakan adalah disebabkan pertambahan kapasiti penjara yang tidak selari dengan pertambahan populasi banduan iaitu dari 52,320 pada tahun 2012 kepada 52,850 pada tahun 2014 dan masih kekal 52,850 pada tahun 2020 berikutan tiada penggantian atau pembinaan penjara baharu dalam tempoh tersebut. Kapasiti yang tidak banyak perubahan ini telah menyebabkan kesesakan serius di penjara dan ini menyukar dan menjelaskan keberkesanan pengurusan dan pentadbiran keselamatan dan pemulihan di institusi penjara. Keadaan ini akan lebih meruncing dengan unjuran jabatan pada tahun 2030 seramai 134,800 penghuni akan berada di institusi-institusi penjara dengan unjuran pertambahan banduan sebanyak 6.2% setahun.

## **AGING FACILITY**

**Yang Berhormat Dato' Seri/ YBhg. Dato'/Tuan/Puan yang saya amat hormati sekalian**

11. Jabatan Penjara turut berhadapan dengan isu infrastruktur penjara usang atau ***aging facility*** yang masih beroperasi sehingga kini bagi menampung keperluan kapasiti banduan yang semakin meningkat. Infrastruktur penjara perlu dipertingkatkan dan ditambahbaik bagi menepati dan menampung aktiviti semasa, yang mana ianya lebih tertumpu kepada pemulihan dan pembelajaran serta latihan kemahiran banduan. Pada masa kini, terdapat tujuh buah penjara yang dibina sebelum perang (*pre-war*) yang berumur melebihi 100 tahun dan ada yang masih menggunakan sistem *bucket* iaitu Penjara Alor Setar (1893), Penjara Sungai Petani (1920), Penjara Pulau Pinang (1811), Penjara Taiping (1879), PPA Batu Gajah (1902), Penjara Seremban (1896), Penjara Sibu (1890) dan Penjara Pengkalan Chepa (1951). Keuzuran penjara-penjara ini akan menyebabkan ianya tidak dapat berfungsi dengan sempurna dalam menepati aspek hak asasi manusia dan akan menjelaskan kapasiti dan menyebabkan jumlah kapasiti semakin berkurangan sekiranya tidak diganti dengan penjara baharu.

## **KEBERKESANAN PROGRAM PEMULIHAN**

12. Ekoran dari peningkatan populasi banduan, program pemulihan tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh disebabkan kekurangan ruang pembelajaran, penggunaan anggota yang optimum dan kemudahan infra yang terhad. Keadaan ini secara tidak langsung akan memberi kesan terhadap keberkesanaan program pemulihan. yang

dilaksanakan. Keberkesanan pelaksanaan program pemulihan sangat bergantung kepada fasiliti di sebuah institusi penjara. Fasiliti bagi pelaksanaan program pemulihan perlulah menepati dan bersesuaian konteks program yang dijalankan.

13. Berdasarkan dapatan kajian pelaksanaan program pemulihan banduan di institusi penjara didapati persekitaran pembelajaran menyumbang sebanyak 56.8% keberkesanan program yang disampaikan. Selain itu fasiliti yang terlibat secara tidak langsung dengan program pemulihan banduan seperti tempat tidur, tandas, keselesaan sel/dormitori, tempat riadah, sistem pengudaraan, bekalan air dan bekalan elektrik berada pada tahap yang sederhana. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa keadaan persekitaran turut memberi impak terhadap program pemulihan banduan.

14. Keberkesanan program pemulihan diukur berdasarkan kadar kemasukan semula banduan ke penjara atau *residivist rate*. Kadar residivis di Jabatan Penjara Malaysia kini 15.6% menunjukkan bahawa pelaksanaan program pemulihan kita perlu sentiasa ditambahbaik samada dari aspek fasiliti, metodologi maupun bahan pengajaran dan pembelajaran. Kita dapati negara-negara yang menggunakan pendekatan *restorative justice* seperti di Norway, kadar residivisnya lebih rendah. Dalam hal ini kita telah berada dalam landasan yang betul untuk mengcilikan kadar residivis di institusi penjara kita dengan memberi penekanan kepada *restorative justice* berbanding *retributive justice*. Kami amat berharap dengan gembelingan gerak kerja semua pihak, kita akan dapat mencapai sasaran residivis di bawah 5% sebagaimana di sasarkan dalam RMK-12.

## **INISIATIF YANG DIAMBIL DAN PENCAPAIAN**

**Yang Berhormat Dato' Seri/ YBhg. Dato'/Tuan/Puan yang saya amat hormati sekalian**

15. Dalam menangani cabaran peningkatan populasi banduan di institusi penjara dalam situasi pandemik ini, pihak Jabatan telah merencanakan tindakan jangka pendek, sederhana dan tindakan jangka panjang. ***Tindakan Jangka Pendek*** termasuklah:

- Pewartaan 11 Penjara Sementara
- Pelepasan Banduan Secara Lesen (PBSL)
- Penggunaan 5 Kem PLKN sebagai Penjara Satelit
- Perlanjutan 1 tahun penggunaan 6 PRP di Kem tentera
- Penangguhan Perbicaraan bagi kes tertentu
- Mewujudkan 4 Penjara Transit dan 26 Pusat Transit Penerimaan
- Penggunaan 6 PLKN untuk PRP.

Manakala ***Tindakan Jangka Sederhana*** pula adalah:

- Memperkuatkannya Pelaksanaan PBSL melibatkan pelbagai kategori banduan
- Pemilikan PLKN secara kekal sebagai PRP
- Pelaksanaan *Probation* dan *Community Correction*
- Pengampunan dan Petisyen dibawah Peraturan 113 dan 114.

Bagi ***Tindakan Jangka Panjang*** pula kita akan:

- Mewujudkan *Sentencing Council* –koordinasi pelbagai agensi
- Penambahan Pejabat Parol Daerah
- Pemibinaan Penjara Baharu bagi menggantikan aging fasiliti
- Pembinaan Kluster Dadah – bagi banduan dadah seksyen 15(1) ADB.

16. Sehingga ke hari ini, Jabatan mendapati pemulihan banduan di dalam komuniti menunjukkan keberkesanan yang amat tinggi. Kadar residivis untuk pemulihan dalam komuniti hanya 0.44%, membuktikan bahawa pemulihan dalam komuniti atau *community correction* perlu menjadi agenda utama dalam mentransformasi lanskap pemulihan di institusi penjara. Suka saya nyatakan pencapaian bagi program-program pemulihan dalam komuniti seperti berikut:

- Pelaksanaan Program Parol – sehingga kini melibatkan 43,042 ODP dengan kadar residivis 0.24%. Kejayaan mengintegrasikan banduan dengan masyarakat mencecah 97.99%
- Pelaksanaan Program *Corporate Smart Internship* – sehingga kini melibatkan 10,311 ODP dengan penglibatan 119 syarikat nasional dan multi-nasional
- Pelaksanaan Program Reintegrasi Penghuni Industri (PRP-I) – sehingga kini melibatkan 912 ODS dengan pencapaian 81.36% ODS ditempat bekerja secara tetap.
- Pelaksanaan Program Reintegrasi Penghuni Penjara (PRP-P) – sehingga kini melibatkan 2,338 ODS dengan pencapaian 53.68 % ODS ditempat bekerja secara tetap.
- Pelaksanaan Program Reintegrasi Penghuni (PLKN 6 buah, kem tentera 4 buah) – sehingga kini melibatkan 17,663 ODS dengan pencapaian 76 % ODS ditempatkan bekerja secara tetap.

- Pelaksanaan Pelepasan Banduan Secara Lesen– sehingga kini melibatkan 2,303 OBB dengan pencapaian 97.74% penghuni bekerja di dalam komuniti
- Pelaksanaan Program CSI PBSL– sehingga kini melibatkan 1,281 OBB dengan dengan penglibatan 58 syarikat nasional dan multi-nasional
- Pelaksanaan Perintah Kehadiran Wajib – sehingga kini melibatkan 6,550 pesalah dengan dengan kejayaan 93.82% pematuhan pesalah kepada perintah yang dikenakan.

## **WAY FORWARD JABATAN**

### **PEMULIHAN DALAM KOMUNITI**

**Yang Berhormat Dato' Seri/ YBhg. Dato'/Tuan/Puan yang saya amat hormati sekalian**

17. Jabatan Penjara Malaysia perlu memposisikan semula strategi agar dasar 2/3 penghuni berada di luar penjara menjalani pemulihan dalam komuniti dapat direalisasikan sebagaimana yang telah disasarkan. Pendekatan pemulihan dalam komuniti ini akan mengurangkan kesesakan di dalam institusi penjara, meningkatkan keberkesanan program pemulihan dan seterusnya mengurangkan kadar residivis di kalangan penghuni. Mendepani strategi ini Jabatan telah mengadakan kolaborasi bersama ***Her Majesty's Inspectorate of Probation (HMIP) United Kingdom*** bagi pelaksanaan *Probation and Community Correction* di negara ini. Program-program yang akan dilaksanakan

adalah *Differed sentence, Home Detention, Day Parol and Prison Supervision.*

### **REFURBISH AGING FACILITY**

18. Jabatan memahami bahawa *aging facility* merupakan salah satu halangan dalam keberkesanan aspek pemulihan dan kawalan keselamatan terhadap penghuni. Justeru di bawah RMK 12 ini, Jabatan telah menggantikan Penjara Sibu dengan pembinaan kompleks Penjara Sibu yang Baharu termasuklah dalam perbincangan bagi menggantikan Penjara Reman Pulau Pinang, Penjara Alor Setar, Penjara Pengkalan Chepa dan Penjara Seremban. Jabatan juga ke arah mewujudkan Penjara Pintar berdasarkan kepada ***Artificial Intelligent (AI)*** merangkumi ***Face Recognition, Smart Camera*** dan ***Body Thermal***.

### **MEMPERKASAKAN PERKHIDMATAN KOREKTIF**

19. Jabatan dalam usaha menyusun semula perkhidmatan korektif agar dapat memenuhi keperluan pemulihan penghuni. Penyusunan ini melibatkan perubahan sistem penjara yang akan diklusterkan mengikut bidang fungsi masing-masing bermula dengan ***Admission, Training, Reintegration dan Resettlement Prison***. Penetapan fungsi ini bukan sahaja memudahkan pelaksanaan program-program pemulihan bahkan mobilasi anggota juga akan mengikut kepakaran bidang masing-masing atau *Subject Matter Expert (SME)*.

20. Bagi memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan korektif Jabatan juga sedang menstruktur semula organisasi Jabatan Penjara Malaysia agar selari dengan perubahan-perubahan yang dilaksanakan.

Penstrukturran ini melibatkan penambahan baharu program dan aktiviti terutama di bawah sektor pemulihan dalam komuniti yang akan menjadi dominan kepada perkhidmatan korektif pada masa akan datang.

21. Dalam zaman *Internet of Things* (IoT) ini, perkhidmatan korektif perlu bergerak selari dengan perubahan yang berlaku dalam persekitaran dunia yang begitu ***fragile*** dengan perubahan teknologi yang begitu pantas. Justeru perkhidmatan korektif perlu diperkasakan dengan **penggunaan teknologi key management electronic system, Electronic Monitoring Divices (EMD), Body Scanner, penggunaan Drone dan Anti Drone, Body Worn Camera** dan sebagainya.

## **PENGHARGAAN KEPADA KDN DAN KAKITANGAN**

**Yang Berhormat Dato' Seri/ YBhg Dato/Tuan/Puan yang saya amat hormati sekalian**

22. Sebelum mengakhiri ucapan, saya mewakili seluruh warga kerja Jabatan Penjara Malaysia amat menghargai dan merakamkan pengiktirafan yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, Yang Berhormat Timbalan-Timbalan Menteri Dalam Negeri, Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri dan pucuk pimpinan Kementerian di atas sokongan terhadap **pemanjangan Elaun Covid-19 RM 200.00 sebulan** kepada anggota yang terlibat dalam pengurusan kes-kes covid di dalam penjara serta meluluskan **Bantuan Bayaran Khas Covid-19 secara one off sebanyak RM 300.00 kepada Pasukan Barisan Hadapan termasuklah pegawai penjara.** Selain itu, pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah meluluskan **pengisian penuh semua perjawatan uniform** di Jabatan

Penjara. Terima kasih Kementerian Dalam Negeri dan pihak kerajaan yang prihatin dengan kebijakan anggota penjara.

**Selamat Hari Penjara Ke-231!**

**Sekian, terima kasih. Wabillahi Taufiq Walhidayah**  
**Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.**